

Frequently Asked Questions (FAQs)



**For further product queries, customers may reach out to Consumer Contact Centre via +603 6204 7788 or Customer Resolution Unit (CRU) via contactus@cimb.com*

PRODUCT INFORMATION

1. What is Pembiayaan Peribadi Awam-i (Awam-i) Personal Financing?

Awam-i is a Syariah-compliant Personal Financing facility specially curated by CIMB for government employees (Offered to Federal and Non Federal government including GLCs) in Malaysia where monthly payment is secured via monthly salary deduction with Biro Angkasa.

2. How can I know if I qualify for Awam-i Personal Financing?

- Malaysian citizen;
- If you are individual aged between 21 and 59 years old or up to prevailing mandatory retirement age for government employees;
- Currently employed in Government Sector (Federal and Non-Federal government including GLCs where monthly installment deduction for payment is accessible with ANGKASA);
- With minimum gross monthly income of RM1,400 (Basic Salary + Fixed Allowances (allowances consistently received from government)); and,
- Currently employed in a permanent and/or contract position. For contract position, you must fulfil the minimum 3 months contract.

3. What is the Shariah Principle offered under Awam-i?

- Awam-i is a personal financing with a Shariah contract under Commodity Murabahah concept and is also known as Tawarruq.
- Tawarruq is a principle that requires two sale and purchase contracts. The first contract involves the sale of an asset (commodity) by a seller (the Bank) to a purchaser (the Applicant) on a deferred basis at cost plus profit, also known as Murabahah. This is where the installment by the Applicant to the Bank originates. The Bank derives its profit from the sale of an asset to the Applicant. Awam-i is not a Qard based product.
- Subsequently, the Bank who acts as an agent on behalf of the Applicant sells the asset at cost to a third party on a cash and spot basis. The proceeds from this sale, an amount equivalent to the financing amount, will be disbursed to the Applicant.

PRODUCT INFORMATION

4. What is the range of offered financing amount?

The range of financing amount offered is as follows:

- Minimum amount: RM1,000
- Maximum amount: RM200,000

5. What is the range of offered financing tenure?

Financing tenure ranges from 1 to 10 years and matures upon reaching the retirement age of 60 years old or up to the maximum age set by the government.

6. What is the profit rate for Awam-i by CIMB?

It ranges between 3.50% p.a. to 4.20% p.a. (flat rate). Whereas for Effective profit rate, it ranges between 6.40% p.a. to 7.32% p.a. (Or customer may refer the product page)

Note: Profit amount calculated will be rounded up to nearest Ringgit upon approval, where applicable.

7. Should I participate in Takaful?

Takaful plan is not a mandatory requirement for the application of Awam-i. Currently, Takaful coverage is not available under Awam-i and you are encouraged to independently arrange for the relevant Takaful coverage.

8. How can I benefit from Awam-i?

- With Awam-i, you may receive financing up to RM200,000 with long tenure option.
- You will be able to enjoy hassle free monthly instalment payment arrangement through Salary Deduction via Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA).
- You also do not have to provide any collateral for this facility.

PRODUCT INFORMATION

9. Can I settle/redeem other financing/financing with CIMB or other Bank with Awam-i?

Yes, Awam-i facility can be used to redeem existing Awam-i facility with CIMB and/or other financing under Angkasa deduction and/or other Bank's financing. However, you cannot use the Awam-i facility to redeem existing Cash Plus Personal Loan and Xpress Cash Financing-i.

10. Do I need to set up an account with CIMB to obtain the Awam-i Facility?

You are encouraged to have savings or current account with CIMB Islamic Bank Berhad or CIMB Bank Berhad to facilitate Awam-i disbursement. However, the Bank still allow the disbursement via IBG and there is no extra charges involved. You have the flexibility to choose for the Awam-i financing amount to be disbursed either into customer's saving or current account with CIMB or other Bank.

11. What are the supporting documents required for disbursement of facility via IBG?

You are required to provide a copy of the said bank account detail (ie. Bank Statement / Account Statement / Account Passbook / Screenshot of account detail with your Name, Beneficiary Bank Name and Beneficiary Bank Account Number)

12. How do I calculate the Stamp Duty Fees based on 0.5% of approved financing amount ?

The Stamp Duty amount will be based on the approved financing amount which will be rounded up to the nearest thousand.

Sample calculation:

Approved amount = RM105,200

Round up approved amount: RM106,000

Stamping fee 0.5% (approved round up amount) = RM530

APPLICATION CRITERIA AND PROCEDURE

13. How to apply for Awam-i?

- You may submit your application for Awam-i personal financing through our Product Page at:
 - For Application in English :
<https://www.cimb.com.my/en/personal/day-to-day-banking/financing/personal-financing/pembiayaan-peribadi-awam-i.html>
 - For Application in Bahasa Melayu :
<https://www.cimb.com.my/bm/personal/day-to-day-banking/financing/personal-financing/pembiayaan-peribadi-awam-i.html>
- Or, you may walk-in to CIMB Branches for further assistance.

14. Can I apply Awam-i under a joint application with my spouse?

No. This facility is only for an individual application. Joint application is not allowed.

15. If I already applied for Awam-i, can I apply for similar financing offered by other financial institution?

Yes, you may apply for other similar facilities provided by other financial institutions. However, the more outstanding facility you have might influence your overall credit standing.


16. What is the duration of the application process?

The application will be processed within 7 working days from the date of submission of the completed Application Form and mandatory supporting documents are received by CIMB. The application shall not be processed unless and until all required supporting documents or the complete documentation are received by CIMB.

APPLICATION CRITERIA AND PROCEDURE

17. What are the required documents to apply for Awam-i?

To fulfill CIMB's credit checking. These documents are required to be uploaded online or submitted manually. The documents are as follows:

- E-form / Manual form
- **NRIC – Mandatory with CTC (Certified True Copy) ****
- **BPA form 1/79 - Mandatory with CTC (Certified True Copy) ****
- **3 Months Payslip – Mandatory with CTC (Certified True Copy) **** 
- 1 Month Bank Statement (Salary Crediting) (for Payslip without QR)
- Allotment letter (mandatory if working in Sarawak)
- *Redemption statement – for debt consolidation application (mandatory if customer prefers to overlap with existing financing. The document should be submitted no later than 14 days from the date of application)

**** Must with CTC and validated by**

- I. Human Resource officer or
- II. Higher rank of Government Officer ie. Head of Department / Supervisor equivalent

POST APPLICATION INFORMATION

18. How do I know the result of my application?

You will be notified on the application status via SMS approval. Upon disbursement, you will receive notices of Product Disclosure Sheet (PDS) and Disbursement Notice via mail to your address as registered with CIMB.

19. Can I cancel my Awam-i application after the financing is approved by CIMB ?

The cancellation after approval would follow the circumstance below:

- Within 30 days after approval → You have the right to cancel the facility within 30 days from the date of the SMS Approval without any compensation charges, if there's no any utilization of the fund. However, this is not applicable for Debt Consolidation facility.
- More than 30 days after the approval → No cancellation for Awam-i if more than 30 days has passed after the SMS Approval. However, if you still wish to cancel your Awam-i, you may proceed to do early settlement.

DISBURSEMENT & MONTHLY INSTALLMENT INFORMATION

20. If my application is successful, when will the first monthly installment payment starts?

There will be 2-3 months of grace period (GP) (depending on the disbursement date) for 1st bill drop to cater for 1st payment timeline from Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA).

A) Disbursement date before 4th of the month (1 November 2024):

1st payment due date on 1st of the subsequent 3rd month (4 February 2025). 2 months GP will be incorporated

B) Disbursement date after 4th of the month (10 December 2024):

1st payment due date on 1st of the subsequent 4th month (4 April 2025). 3 months GP will be incorporated

21. How to make monthly installment payments?

Monthly installments shall be deducted through ANGKASA facility. If you cease to be an employee of government of Malaysia, the you must make the payments directly to the Bank.

22. How will the Awam-i facility funds be credited?

The funds will be disbursed into your savings or current account with CIMB Islamic Bank Berhad, CIMB Bank Berhad or other financial institution chosen by you.

Note:

1. The facility will be disbursed to your active savings account either conventional or Islamic account for digital and online application.
2. The drop-down list of Beneficiary Bank Name (in eForm) for disbursement covers for conventional and Islamic banks.

MONTHLY INSTALLMENT INFORMATION

23. Am I allowed to make an early settlement of the financing?

Early settlement is allowed at any time by giving 1 (one) month written notice to CIMB.

24. Would there be any rebate (Ibra') if I settle financing before its maturity?

Rebate (Ibra') will be granted upon early settlement or at the financing maturity, if any. You may take a look at the example:

Rebate (Ibra') Calculation	Payable Amount after Rebate (Ibra') Calculation
Rebate (Ibra') = $[n(n+1) / N (N+1)] \times PM$	Payable Amount : Outstanding Bank's Sale Price + Compensation (Ta'widh) + Other costs – Rebate (Ibra')
n = Remaining months to maturity	
N = Total Tenure of Financing in Months	
PM = Total Profit Margin	



Sample Calculation : Early Settlement in 60 months

Facility Amount	RM50,000
Outstanding Bank's Sale Price	RM35,480
Financing Tenure	10 years (120 months)
Profit Rate	4.2% p.a., equivalent to EIR 7.32% p.a.

Rebate (Ibra') :

$$[60 (60 + 1) / 120 (120 + 1)] \times RM21,000 = RM5,293.39$$

Total payable amount after Rebate (Ibra') :

$$RM35,480.00 - RM5,293.39 = \mathbf{RM30,186.61}$$

n	= 120 - 60 = 60
N	= 10 years (120 months)
PM	= (RM50,000 X 4.2% X 10) : RM21,000

MONTHLY INSTALLMENT INFORMATION

25. What should I do if I am unable to continue / cannot afford to pay monthly installment payment?

You may seek assistance from

- I. CIMB Customer Resolution Unit via contactus@cimb.com earliest possible to discuss payment alternatives
- II. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) via official number (03-26167766) an agency established by BNM for free services on money arrangement, credit counselling, financial education and debt restructuring for individuals.

26. What will happen if I fail to make payment / make late payment?

If there is any defaults or delay in the installment payment(s), late payment charges will be incurred and if this continues, it may affect your financial records in the Central Credit Reference Information System (CCRIS) and Credit Tip-Off Service (CTOS).

Furthermore, if you fail to fulfill your obligations in payment:

- During the facility period prior to maturity: Compensation (Ta'widh) will be charged based on actual cost up to 1% p.a. on the monthly instalment amount in arrears.
- If the Facility is terminated before maturity, Compensation (Ta'widh) will be charged based on actual cost up to 1% p.a. on the monthly instalment amount in arrears up to the day payment is made or a day before judgment is obtained, whichever earlier.
- Beyond the maturity of the facility: Compensation (Ta'widh) will be charged based on actual cost up to the prevailing Islamic Interbank Money Market Rate on the balance Bank's Sale Price.
- The Bank may set-off any credit balance in your Savings or Current account maintained with CIMB Islamic Bank Berhad or CIMB Bank Berhad against any outstanding balance in the financing account by giving you seven (7) calendar days' prior notice.
- The Bank has the right to terminate or recall the Facility granted to you if you are unable to pay the Facility and/or to comply with your obligations under the terms and conditions of the Facility.
- Legal action will be taken against you if you fail to respond to reminder notices asking you to make payment of arrears and you will have to bear all costs of such legal actions.
- Please note that Legal action taken against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive for you to obtain.

Soalan Lazim



**Untuk pertanyaan lanjut mengenai produk, pelanggan boleh menghubungi Pusat Hubungan Pengguna melalui +603 6204 7788 atau Unit Resolusi Pelanggan (CRU) melalui contactus@cimb.com*

MAKLUMAT PRODUK

1. Apakah Pembiayaan Peribadi Awam-i (Awam-i)?

Awam-i ialah kemudahan Pembiayaan Peribadi patuh syariah yang direka khas oleh CIMB untuk kakitangan kerajaan (Ditawarkan kepada kerajaan Persekutuan dan Bukan Persekutuan termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan) di Malaysia di mana bayaran bulanan diperoleh melalui potongan gaji bulanan dengan Biro Angkasa.

2. Bagaimanakah saya boleh tahu sama ada saya layak untuk Pembiayaan Peribadi Awam-i ?

- Warganegara Malaysia;
- Jika anda ialah individu berumur antara 21 dan 59 tahun atau sehingga umur persaraan wajib semasa bagi kakitangan kerajaan;
- Sedang berkhidmat dalam sektor kerajaan (kerajaan Persekutuan dan Bukan Persekutuan termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan di mana potongan ansuran bulanan untuk pembayaran boleh diakses dengan ANGKASA);
- Berpendapatan kasar bulanan minimum RM1,400 (Gaji Pokok + Elaun Tetap (elaun yang diterima secara konsisten daripada kerajaan); dan,
- Sedang bekerja dalam jawatan tetap dan/atau kontrak. Untuk jawatan kontrak, anda mesti memenuhi tempoh minimum 3 bulan.

3. Apakah Prinsip Syariah yang ditawarkan di bawah Awam-i ?

- Awam-i ialah pembiayaan peribadi berasaskan kontrak Syariah di bawah konsep Komoditi Murabahah dan juga dikenali sebagai Tawarruq.
- Tawarruq ialah prinsip yang memerlukan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset (komoditi) oleh penjual (Bank) kepada pembeli (Pemohon) secara penangguhan pada kos campur keuntungan, juga dikenali sebagai Murabahah. Di sinilah asalnya bayaran ansuran oleh Pemohon kepada Bank. Bank memperoleh keuntungannya daripada penjualan aset kepada Pemohon. Awam-i bukan produk berasaskan Qard.
- Selepas itu, Bank bertindak sebagai ejen bagi pihak Pemohon untuk menjual aset tersebut pada harga kos kepada pihak ketiga secara tunai dan serta merta. Hasil daripada jualan ini iaitu jumlah yang bersamaan dengan jumlah pembiayaan, akan diagihkan kepada Pemohon.

MAKLUMAT PRODUK

4. Apakah lingkungan amaun pembiayaan yang ditawarkan ?

Lingkungan amaun pembiayaan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Jumlah minimum: RM1,000
- Jumlah maksimum: RM200,000

5. Apakah lingkungan tempoh pembiayaan yang ditawarkan?

Tempoh pembiayaan adalah antara 1 hingga 10 tahun dan matang apabila mencapai umur persaraan 60 tahun atau sehingga umur maksimum yang ditetapkan oleh kerajaan.

6. Apakah kadar keuntungan Awam-i oleh CIMB?

Ia berlingkungan di antara 3.50% setahun kepada 4.20% setahun (kadar rata). Manakala bagi kadar keuntungan efektif, ia adalah antara 6.40% setahun kepada 7.32% setahun (Atau pelanggan boleh merujuk kepada halaman produk)

Nota: Jumlah keuntungan yang dikira akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit terdekat apabila diluluskan, jika berkenaan.

7. Perlukah saya menyertai Takaful?

Pelan takaful bukanlah satu keperluan mandatori untuk permohonan Awam-i. Pada masa ini, perlindungan Takaful tidak tersedia dibawah Awam-i dan anda digalakkan untuk mengatur sendiri perlindungan Takaful yang berkaitan.

8. Bagaimanakah saya boleh mendapat manfaat daripada Awam-i?

- Dengan Awam-i, anda boleh menerima pembiayaan sehingga RM200,000 dengan pilihan tempoh yang panjang.
- Anda akan dapat menikmati pengaturan bayaran ansuran bulanan tanpa kerumitan melalui Potongan Gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA).
- Anda juga tidak perlu menyediakan sebarang cagaran untuk kemudahan ini.

MAKLUMAT PRODUK

9. Bolehkah saya menyelesaikan/menebus pembiayaan lain/pembiayaan dengan CIMB atau Bank lain dengan Awam-i?

Ya, kemudahan Awam-i boleh digunakan untuk menebus kemudahan Awam-i sedia ada dengan CIMB dan/atau pembiayaan lain melalui potongan Angkasa dan/atau pembiayaan Bank lain. Walau bagaimanapun, anda tidak boleh menggunakan kemudahan Awam-i untuk menebus Pinjaman Peribadi Cash Plus dan Pembiayaan Xpress Cash-i sedia ada.

10. Adakah saya perlu membuka akaun dengan CIMB untuk mendapatkan Kemudahan Awam-i?

Anda digalakkan untuk memiliki akaun simpanan atau semasa dengan CIMB Islamic Bank Berhad atau CIMB Bank Berhad untuk memudahkan pengeluaran Awam-i. Walau bagaimanapun, pihak Bank masih membenarkan pengeluaran melalui Interbank Giro (IBG) dan tiada caj tambahan yang terlibat. Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih jumlah pembiayaan Awam-i yang akan dikeluarkan sama ada ke dalam akaun simpanan atau semasa pelanggan dengan CIMB atau Bank lain.

11. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk pengeluaran kemudahan melalui IBG?

Anda dikehendaki untuk memberikan salinan butiran akaun bank tersebut (iaitu. Penyata Bank / Penyata Akaun / Buku Simpanan Akaun / Tangkapan skrin butiran akaun dengan Nama anda, Nama Bank Penerima dan Nombor Akaun Bank Penerima)

12. Bagaimanakah cara untuk mengira Yuran Duti Setem berdasarkan 0.5% daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan?

Amaun Duti Setem adalah berdasarkan jumlah pembiayaan yang diluluskan yang akan dibundarkan ke atas ribu terdekat.

Contoh pengiraan:

Jumlah yang diluluskan = RM105,200

Jumlah yang diluluskan: RM106,000

Bayaran setem 0.5% (bundaran jumlah yang diluluskan) = RM530

KRITERIA DAN PROSEDUR PERMOHONAN

13. Bagaimana untuk memohon Awam-i?

- Anda boleh menyerahkan permohonan anda untuk pembiayaan peribadi Awam-i melalui Halaman Produk kami di:
 - Untuk Permohonan dalam Bahasa Inggeris:
<https://www.cimb.com.my/en/personal/day-to-day-banking/financing/personal-financing/pembiayaan-peribadi-awam-i.html>
 - Untuk Permohonan dalam Bahasa Melayu:
<https://www.cimb.com.my/bm/personal/day-to-day-banking/financing/personal-financing/pembiayaan-peribadi-awam-i.html>
- Atau, anda boleh pergi ke Cawangan CIMB untuk mendapatkan bantuan lanjut.

14. Bolehkah saya memohon Awam-i dibawah permohonan bersama dengan pasangan saya?

Tidak. Kemudahan ini hanya untuk permohonan individu. Permohonan bersama tidak dibenarkan.

15. Jika saya sudah memohon Awam-i, bolehkah saya memohon pembiayaan yang sama yang ditawarkan oleh institusi kewangan lain?

Ya, anda boleh memohon kemudahan lain yang sama yang disediakan oleh institusi kewangan lain. Walau bagaimanapun, kemudahan tertunggak yang anda miliki mungkin mempengaruhi kedudukan kewangan keseluruhan anda.

16. Apakah tempoh yang diambil untuk proses permohonan?

Permohonan akan diproses dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penghantaran Borang Permohonan yang lengkap dan dokumen sokongan wajib diterima oleh CIMB. Permohonan tidak akan diproses melainkan dan sehingga semua dokumen sokongan yang diperlukan atau dokumentasi lengkap diterima oleh CIMB.

KRITERIA DAN PROSEDUR PERMOHONAN

17. Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon Awam-i?

Untuk memenuhi semakan kredit CIMB, dokumen ini perlu dimuat naik dalam talian atau diserahkan secara manual. Dokumen-dokumen tersebut adalah seperti berikut:

- E-borang / Borang manual
- **MyKad (Kad Pengenalan Malaysia) – Mandatori with CTC (Salinan Diperakui Sah) ****
- **Borang BPA 1/79 - Mandatori with CTC (Salinan Diperakui Sah) ****
- **Slip Gaji 3 Bulan – Mandatori with CTC (Salinan Diperakui Sah) ****
- Penyata Bank 1 Bulan (Pengkreditan Gaji) (untuk Slip Gaji tanpa QR)
- Surat peruntukan (wajib jika bekerja di Sarawak)
- *Penyata penebusan – untuk permohonan penyatuan hutang (mandatori jika pelanggan memilih untuk melakukan tindihan (overlap) dengan pembiayaan sedia ada. Dokumen hendaklah diserahkan selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh permohonan)



****Perlu disertakan dengan salinan diperakui sah and disahkan oleh:**

- Pegawai Sumber Manusia atau**
- Pegawai Kerajaan yang berpangkat lebih tinggi iaitu, Ketua Jabatan / Penyelia yang setaraf**

MAKLUMAT PASCA PERMOHONAN

18. Bagaimanakah saya tahu keputusan permohonan saya?

Status permohonan anda akan dimaklumkan melalui kelulusan SMS. Selepas pembayaran, anda akan menerima notis Lembaran Pendedahan Produk (PDS) dan Notis Pengeluaran melalui pos ke alamat anda seperti yang didaftarkan dengan CIMB.

19. Bolehkah saya membatalkan permohonan Awam-i saya selepas pembiayaan diluluskan oleh CIMB?

Pembatalan selepas kelulusan akan mengikut keadaan di bawah:

- Dalam tempoh 30 hari selepas kelulusan → Anda mempunyai hak untuk membatalkan kemudahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kelulusan SMS tanpa sebarang caj pampasan, jika tiada sebarang penggunaan dana. Walau bagaimanapun, ini tidak terpakai untuk kemudahan Penyatuan Hutang.
- Lebih daripada 30 hari selepas kelulusan → Tiada pembatalan untuk Awam-i jika lebih dari 30 hari selepas Kelulusan SMS. Walau bagaimanapun, jika anda masih ingin membatalkan Awam-i anda, anda boleh meneruskan untuk membuat penyelesaian awal.

MAKLUMAT PEMBAYARAN & ANSURAN BULANAN

20. Jika permohonan saya berjaya, bilakah bayaran ansuran bulanan pertama akan bermula?

Terdapat 2-3 bulan tempoh penangguhan (GP) (bergantung pada tarikh pengeluaran) untuk pengeluaran bil pertama untuk memenuhi garis masa pembayaran pertama daripada Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA).

A) Tarikh pembayaran sebelum 4 haribulan (1 November 2024)

Tarikh akhir pembayaran pertama pada 1 haribulan ke-3 berikutnya (4 Februari 2025). 2 bulan tempoh penangguhan akan terpakai

B) Tarikh pembayaran selepas 4 haribulan (10 Disember 2024)

Tarikh akhir pembayaran pertama pada 1 haribulan ke-4 berikutnya (4 April 2025). 3 bulan tempoh penangguhan akan terpakai

21. Bagaimanakah cara untuk membuat bayaran ansuran bulanan?

Ansuran bulanan hendaklah ditolak melalui kemudahan ANGKASA. Jika anda tidak lagi menjadi kakitangan kerajaan Malaysia, anda mestilah membuat pembayaran terus kepada pihak Bank.

22. Bagaimanakah dana kemudahan Awam-i akan dikreditkan?

Dana akan disalurkan ke dalam akaun simpanan atau semasa anda dengan CIMB Islamic Bank Berhad, CIMB Bank Berhad atau institusi kewangan lain yang anda pilih.

Nota:

1. Kemudahan ini akan disalurkan ke akaun simpanan aktif anda sama ada akaun konvensional atau Islamik untuk aplikasi digital dan dalam talian.
2. Senarai pilihan Nama Bank Penerima (dalam eBorang) untuk tujuan pengeluaran merangkumi bank konvensional dan Islamik.

MAKLUMAT ANSURAN BULANAN

23. Adakah saya dibenarkan untuk membuat penyelesaian awal pembiayaan?

Penyelesaian awal dibenarkan pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis 1 (satu) bulan kepada CIMB.

24. Adakah terdapat sebarang rebat (Ibra') jika saya menyelesaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Rebat (Ibra') akan diberikan selepas penyelesaian awal atau pada tempoh matang pembiayaan, jika ada. Anda boleh lihat contoh di bawah:

Pengiraan Rebate (Ibra')	Jumlah Yang Perlu Dibayar Selepas Pengiraan Rebate (Ibra')
$\text{Rebate (Ibra')} = [n(n+1) / N (N+1)] \times \text{PM}$	Jumlah Yang Perlu Dibayar: Baki Harga Jualan Bank + Pampasan (Ta'widh) + Kos lain – Rebate (Ibra')
n = Baki bulan sehingga matang	
N = Jumlah Tempoh Pembiayaan (dalam Bulan)	
PM = Jumlah Margin Keuntungan	

Contoh Pengiraan : Penyelesaian awal dalam 60 bulan

Jumlah Kemudahan	RM50,000
Baki Harga Jualan Bank	RM35,480
Tempoh	10 tahun (120 bulan)
Kadar Keuntungan	4.2% p.a., bersamaan dengan Kadar Keuntungan Efektif 7.32% p.a.

Rebate (Ibra') :

$$[60 (60 + 1) / 120 (120 + 1)] \times \text{RM}21,000 = \text{RM}5,293.39$$

Jumlah Penyelesaian selepas Rebate (Ibra') :

$$\text{RM}35,480.00 - \text{RM}5,293.39 = \text{RM}30,186.61$$

n	= 120 - 60 = 60
N	= 10 years (120 bulan)
PM	= (RM50,000 X 4.2% X 10) : RM21,000

MAKLUMAT ANSURAN BULANAN

25. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak dapat meneruskan / tidak mampu membayar bayaran ansuran bulanan?

Anda boleh mendapatkan bantuan daripada

- I. Unit Resolusi Pelanggan CIMB melalui contactus@cimb.com seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran
- II. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) melalui nombor rasmi (03-26167766) sebuah agensi yang ditubuhkan oleh BNM untuk perkhidmatan percuma mengenai pengaturang wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu.

26. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal membuat pembayaran / membuat pembayaran lewat?

Jika terdapat sebarang kemungkiran atau kelewatan dalam pembayaran ansuran, caj pembayaran lewat akan dikenakan dan jika ini berterusan, ia mungkin menjejaskan rekod kewangan anda dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) dan Perkhidmatan Tip-Off Kredit (CTOS).

Selanjutnya, sekiranya anda gagal untuk memenuhi kewajipan pembayaran anda:

- Dalam tempoh kemudahan sebelum matang : Pampasan (Ta'widh) akan dikenakan atas dasar kos sebenar sehingga 1% setahun daripada jumlah tunggakan ansuran bulanan.
- Sekiranya Kemudahan ditarik balik sebelum matang, Pampasan (Ta'widh) akan dikenakan atas dasar kos sebenar sehingga 1% setahun ke atas jumlah tertunggak ansuran bulanan sehingga hari pembayaran dibuat atau sehari sebelum penghakiman diperolehi, yang mana lebih awal.
- Selepas tempoh kemudahan matang: Pampasan (Ta'widh) akan dikenakan atas dasar kos sebenar sehingga Kadar Pasaran Wang Islam Antara Bank (Islamic Interbank Money Market Rate) yang terpakai di atas baki Harga Jualan Bank.
- Pihak Bank boleh menolak sebarang baki kredit dalam akaun Simpanan atau Semasa anda yang dikendalikan dengan CIMB Islamic Bank Berhad atau CIMB Bank Berhad terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun pembiayaan ini dengan memberikan notis terdahulu selama tujuh (7) hari kalendar kepada anda.
- Pihak Bank mempunyai hak untuk menamatkan atau menarik balik Kemudahan yang diberikan kepada anda jika anda tidak dapat membayar Kemudahan dan / atau mematuhi kewajipan anda di bawah terma dan syarat Kemudahan.
- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda jika anda gagal menjawab notis peringatan yang meminta anda untuk membuat pembayaran tunggakan dan anda perlu menanggung semua kos tindakan undang-undang tersebut.
- Sila ambil maklum tindakan undang-undang terhadap anda boleh mempengaruhi penarafan kredit anda yang membawa kepada kredit menjadi lebih sukar atau tidak mudah untuk anda dapatkan.